Kertas Bil. 4/2019

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK- PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PENYELARASAN PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BERKAITAN ISU PENYELARASAN PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS 2019

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2019 pada 18-22 Mac 2019 & 25-29 Mac 2019.

2. LATAR BELAKANG

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan beberapa siri taklimat terbuka bersama beberapa agensi kerajaan berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU JPM) bagi mendapatkan penjelasan dan pencerahan mengenai mekanisma penentuan pendapatan garis kemiskinan. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

1) Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing)

2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Kawasan Permatang)

3) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
(ADN Kawasan Sungai Kandis)

4) Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof
(ADN Kawasan Dusun Tua)

5) Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Kawasan Rawang)

6) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Kawasan Sungai Panjang)

7) Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman
(ADN Kawasan Sabak)

3. TAKLIMAT TERBUKA

3.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

3.1.1 JKM memaklumkan bantuan yang diterima daripada peringkat Persekutuan adalah berjumlah RM500,000 dan lebih kurang 99.0% telah digunakan bagi pembelian peralatan bantuan manakala peruntukan yang telah dibajetkan oleh Negeri Selangor sejumlah RM1juta akan disalurkan secara berperingkat mengikut tuntutan kes.

3.1.2 JKM Selangor memperuntukkan satu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di setiap 9 Daerah Selangor. Setiap tuntutan hendaklah lengkap dan diperakui oleh Pegawai Daerah masing-masing sebelum dikemukakan kepada JKM untuk tujuan bayaran bantuan.

3.1.3 Ukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Selangor adalah RM1500 dan di peringkat Persekutuan adalah RM930. Ukuran PGK ini adalah berkaitan dengan tuntutan bantuan seperti berikut:

a) Bantuan Kanak-kanak Persekutuan;
b) Bantuan Orang Tua Persekutuan;
c) Elaun Pekerja Cacat Persekutuan;
d) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja Persekutuan;
e) Bantuan Anak Pelihara Persekutuan;
f) Bantuan Latihan Perantis Persekutuan;
g) Bantuan Am Negeri;

h) Geran Pelancaran Persekutuan;

i) Bantuan Alat Tiruan Persekutuan;

j) Tabung Serangan Binatang Buas; dan

k) Tabung Bantuan Segera Persekutuan.

3.1.3 Maklumat terperinci taklimat ini seperti di **Lampiran A.**

3.2 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Selangor

3.2.1 DOSM merupakan agensi utama kerajaan yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk memungut, mentafsir serta menyebar perangkaan yang bertepatan masa dan terkini.

3.2.2 Pendapatan isi rumah ialah jumlah pendapatan isi rumah berbentuk wang tunai dan/atau harta benda yang mana sifatnya berlaku berulangkali dan terakru kepada ahli isi rumah dalam setahun atau lebih kerap daripada itu.

3.2.3 Komponen utama pendapatan ialah dari pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, harta & pelaburan dan penerima pindahan semasa.

3.2.4 Tiga konsep boleh digunakan bagi mengukur taraf kemiskinan iaitu:

a) **Kemiskinan Mutlak** berasaskan konsep secukup hidup yang diukur dengan membuat perbandingan antara pendapatan kasar bulanan purata dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK digambarkan melalui sama ada jumlah pendapatan yang diperoleh mencukupi untuk membeli keperluan minimum makanan dan lain-lain keperluan asas bukan makanan.

b) **Kemiskinan Relatif** menggambarkan keadaan hidup yang tidak seimbang di kalangan pelbagai kumpulan pendapatan.

c) **Multidimensional Poverty** mengukur kemiskinan dan kekurangan dari pelbagai dimensi.

3.2.5 Metodologi pengukuran PGK mengandungi dua komponen iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. PGK ditentukan mengikut keperluan tenaga/kalori dan PGK bukan makanan pula ditentukan oleh perbelanjaan sebenar berasaskan corak perbelanjaan isi rumah yang berpendapatan hampir sama dengan PGK makanan. Ini mencerminkan perbelanjaan bukan makanan yang minimum (benar-benar asas).

3.2.6 PGK juga diukur dengan mengambil kira perbezaan harga mengikut kawasan dan negeri, saiz komposisi demografi isi rumah dan dikira berasaskan setiap isi rumah.

3.2.7 PGK purata di bandar Semenanjung Malaysia ialah RM970 dan di luar bandar ialah RM880. Bagi Sabah & Labuan PGK purata di bandar ialah RM1170 dan di luar bandar ialah RM1220 manakala PGK purata di Sarawak masing-masing adalah RM1070 di bandar dan RM940 di luar bandar.

3.2.8 Maklumat terperinci taklimat ini adalah seperti di **Lampiran B**.

3.3 Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU JPM) Negeri Selangor

3.3.1 Sistem eKasih yang telah diwujudkan oleh ICU merupakan pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mengandungi profil individu, permohonan bantuan, bantuan yang diterima dan pemantauan keberkesanan bantuan yang diterima. Komponen data eKasih

terdiri daripada maklumat asas Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR), maklumat Lokasi, Kediaman, Pendidikan, Kemahiran dan Pekerjaan, Pemilikan Harta, Kesihatan, Pendapatan serta Bantuan.

3.3.2 Objektif sistem eKasih ini ialah mewujudkan satu pengkalan data bersepadu, mengelakkan pertindihan program bantuan kemiskinan, mewujudkan satu *Knowledge Base* mengenai program/projek dan membantu analisis maklumat & pemetaan kemiskinan (*poverty mapping)*.

3.3.3 Bagi Negeri Selangor, Pendapatan Garis Kemiskinan mengikut isi rumah bagi kategori miskin adalah RM1,033 dan miskin tegar adalah RM630. Mengikut perkapita pula bagi kategori miskin dan miskin tegar masing-masing adalah RM256 dan RM153.

3.3.4 Maklumat yang direkodkan berdaftar dengan eKasih sehingga Januari 2019 bagi Negeri Selangor berjumlah 36,620 orang di mana 3 daerah tertinggi pendaftaran adalah Petaling (6001), Klang (5572) dan Kuala Selangor (5380).

3.3.5 ICU memperuntukkan 3 orang pembanci di setiap daerah dan telah membuat permohonan untuk tambahan lebih kurang 33 orang pegawai bancian daripada ICU Putrajaya.

3.3.7 Maklumat terperinci taklimat ini seperti di **Lampiran C**.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

4.1 Ahli jawatankuasa mendapati pangkalan data sistem eKasih tidak merekodkan maklumat bagi pekerja ladang dan orang asli.

4.2 eKasih mengumpul maklumat bagi pendapatan RM1500 ke bawah (yang merekodkan maklumat berhubung golongan miskin tegar, miskin dan terkeluar sahaja) manakala maklumat bagi pendapatan RM1500 ke atas tidak direkodkan.

5. SARANAN

1. Kerajaan Negeri perlu mengadakan perbincangan dan kerjasama formal dengan ICU untuk meluaskan skop pengumpulan data eKasih. Ahli jawatankuasa menyarankan supaya eKasih turut mengambilkira data pendapatan bagi pekerja ladang dan orang asli dalam sistem eKasih bagi memudahkan pengagihan bantuan kepada golongan sasar.

2. ICU perlu mewujudkan lebih banyak kategori pendapatan dengan mengambil kira data golongan berpendapatan RM2000, RM3000 dan RM4000 dan ke bawah bagi memudahkan penyaluran bantuan sedia ada.

3. Sekiranya ICU tidak dapat meluaskan skop pangkalan data eKasih, Kerajaan Negeri perlu mewujudkan pangkalan data sendiri.

4. ICU disaran untuk membuka akses butiran maklumat dalam sistem eKasih kepada semua Pejabat DUN dan Parlimen.

5. ICU disaran untuk menyemak semula pendapatan penduduk yang berdaftar dalam eKasih sekurang-kurangnya 1 tahun sekali.

6. ICU disaran untuk menyelaraskan kaedah menilai taraf kemiskinan bagi tujuan pemberian bantuan yang kini berbeza dengan agensi seperti JKM, Lembaga Zakat dan sebagainya.

7. Bilangan pegawai bancian perlu ditambah bagi mempercepatkan proses pengesahan permohonan.

7. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa Bil.4 pada 11 Februari 2019.

Disahkan oleh:

.....

Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

1)	Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Pengerusi
2)	Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (ADN Kawasan Permatang)	Ahli
3)	Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (ADN Kawasan Sungai Kandis)	Ahli
4)	Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (ADN Kawasan Dusun Tua)	Ahli
5)	Y.B Tuan Chua Wei Kiat (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
6)	Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin (ADN Kawasan Sungai Panjang)	Ahli
7)	Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman (ADN Kawasan Sabak)	Ahli

URUS SETIA

i) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)

ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)

iii) Encik Mohmad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Setiausaha Pejabat (Dewan)

iv) Puan Salmiah binti Hamdan
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

v) Encik Ahmad Salami bin Zakuan
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

LAMPIRAN A

9 PKMD & 2 PKMC JKMN SELANGOR



LAMPIRAN A

13 SKIM BANTUAN JKM



PERBELANJAAN BENCANA PERSEKUTUAN

NEGERI	PERUNTUKAN PERSEKUTUAN			
	JUMLAH DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%	BAKI (RM)
SELANGOR	500,000.00	499,997.45	99.99%	2.55

PERBELANJAAN BENCANA NEGERI

NEGERI	PERUNTUKAN NEGERI			
	JUMLAH DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%	BAKI (RM)
SELANGOR	1,000,000.00	324,877.20	32.48%	675,122.80

Taklimat Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan

KEMISKINAN : KONSEP DAN PENGUKURAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

7 Januari 2019 | Bilik Gerakan, Pejabat Dewan Negeri Selangor

LAMPIRAN B

Latar belakang DOSM & Punca Kuasa

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ditubuhkan pada tahun **1949** dan merupakan **agensi utama kerajaan** yang diamanahkan dan dipertanggungjawab untuk **memungut**, **mentafsir** serta **menyebar** perangkaan yang bertepatan masa dan terkini.



PUNCA KUASA

LAWS OF MALAYSIA

Act 415

STATISTICS ACT1965

(REVISED-1989)

Under the **Statistics Act1965** (Revised – 1989), the functions of DOSM [Section 2] are:

To collect and interpret statistics for the purpose of formulation or implementation of government policies....

LAWS OF MALAYSIA

REPRINT

Act 16

CENSUS ACT1960

Incorporating all amendments up to 1 January 2006

Under **Census Act 1960:**

The Yang di-Pertuan Agong may, by notification in the Gazette, from time to time direct that a census to be taken throughout Malaysia of the Population, Agriculture, Trade, Labor, Industry, Commerce....

Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989)

Akta Banci 1960 (Disemak-1969)

LAMPIRAN B

Definisi Pendapatan Isi Rumah

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

Pendapatan isi rumah ialah :

Jumlah pendapatan isi rumah yang berbentuk **WANG TUNAI DAN/ATAU MATA BENDA** yang mana sifatnya berlaku **BERULANGKALI** dan **TERAKRU** kepada ahli isi rumah dalam setahun atau lebih kerap daripada itu.

Pendapatan yang pasti diperoleh sekurang-kurangnya **SEKALI** dalam tempoh rujukan (12 bulan yang lalu).

Komponen Utama Pendapatan



Berdasarkan kepada garis panduan yang dirujuk daripada piawaian antarabangsa, antaranya:

1. *A Provisional Guidelines on Statistics of the Distribution of Income, Consumption and Accumulations of Households (DICAH)*;
2. *A Provisional Framework for Household Income, Consumption, Saving and Wealth*; dan
3. *Final Report and Recommendations of the Expert Group on the Household Income Statistics* (*The Canberra Group 2001*).

Konsep Kemiskinan

Tiga konsep boleh digunakan:

- **Kemiskinan mutlak** berasaskan konsep secukup hidup yang diukur dengan membuat perbandingan antara pendapatan kasar bulanan purata dengan **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)**.

- **Kemiskinan relatif** menggambarkan keadaan hidup yang tidak seimbang di kalangan pelbagai kumpulan pendapatan.

- ***Multidimensional Poverty*** mengukur kemiskinan dan kekurangan dari pelbagai dimensi.

Pendekatan Semasa Pengukuran

Dimensi Pendapatan

Pendapatan Garis Kemiskinan

Digambarkan melalui sama ada jumlah pendapatan yang diperoleh mencukupi untuk membeli keperluan minimum makanan dan lain-lain keperluan asas bukan makanan.

Metodologi Pengukuran PGK

Jabatan Perangkaan MALAYSIA

Mengandungi dua komponen iaitu **PGK makanan** dan **PGK bukan makanan.**

- PGK makanan ditentukan mengikut keperluan tenaga/kalori.
- PGK bukan makanan ditentukan oleh perbelanjaan sebenar berasaskan corak perbelanjaan isi rumah yang berpendapatan hampir sama dengan PGK makanan. Ini mencerminkan perbelanjaan bukan makanan yang minimum (benar-benar asas).
- Mengambil kira perbezaan harga mengikut kawasan & negeri.
- Mengambil kira saiz dan komposisi demografi isi rumah.
- PGK dikira berasaskan setiap isi rumah.

PGK Purata Mengikut Wilayah

Wilayah	PGK purata isi rumah (RM bulanan)			
	2009	2012	2014	2016
Sem. Malaysia	**760**	**830**	**930**	**960**
Bandar	770	840	940	970
Luar bandar	740	790	870	880
Sabah & Labuan	**1,050**	**1,090**	**1,170**	**1,180**
Bandar	1,020	1,080	1,160	1,170
Luar bandar	1,080	1,120	1,180	1,220
Sarawak	**910**	**920**	**990**	**1,020**
Bandar	940	960	1,040	1,070
Luar bandar	880	870	920	940

PGK semasa yang diguna pakai sentiasa dikemaskini dengan mengambilkira perubahan indeks harga pengguna (CPI) mengikut negeri serta kawasan bandar dan luar bandar bagi mencerminkan kesan perubahan harga.

JABATAN PERDANA MENTERI

PROGRAM KELESTARIAN eKASIH NEGERI SELANGOR

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR
28 JANUARI 2019 | 10.00 PAGI

LAMPIRAN C

eKasih

PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR

PENGENALAN SISTEM eKasih

Pangkalan Data Kemiskinan Nasional :

- profil individu
- permohonan bantuan
- bantuan yang diterima
- pemantauan keberkesanan bantuan yang diterima



PUNCA KUASA :

- Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Ogos 2007 & 31 Oktober 2007
- Mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar pada 1 November 2007

OBJEKTIF

- Mewujudkan satu pangkalan data bersepadu
- Mengelakkan pertindihan program bantuan kemiskinan
- Mewujudkan satu *Knowledge Base* mengenai program/projek
- Membantu analisis maklumat & pemetaan kemiskinan (*poverty mapping*)

LAMPIRAN C

PORTAL LAMAN WEB eKASIH : https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx

Shahreen Camalia Binti Azmi

SIGN

eKASIH | PENYEPADUAN DATA | ANALISIS BANTUAN

Laman Utama

14 Jul 2017 (Jumaat)

Jumlah Pelawat

10385204

SEMAKAN PENDAFTARAN

KLIK DI SINI

eKASIH

" KEMISKINAN BUKAN UNTUK DIWARISI "

eKASIH

eKasih merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/bantuan yang diterima. Info seterusnya> >

PENYEPADUAN DATA

PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) 2016 (RM BULANAN)

WILAYAH / NEGERI	MISKIN						MISKIN TEGAR					
	Isi Rumah			Per kapita			Isi Rumah			Per kapita		
	Bandar	Luar Bandar	JUMLAH	Bandar	Luar Bandar	JUMLAH	Bandar	Luar Bandar	JUMLAH	Bandar	Luar Bandar	JUMLAH
MALAYSIA	989	925	980	253	222	246	620	619	619	155	145	153
SELANGOR	1,038	951	1,033	258	223	256	630	626	630	153	143	153

SUMBER : UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI (MEA)

STATISTIK PENDAFTARAN eKASIH MENGIKUT DAERAH

DAERAH	KIR DIDAFTAR
Petaling	6001
Klang	5572
Kuala Selangor	5380
Sabak Bernam	4655
Gombak	3932
Hulu Langat	3628
Hulu Selangor	3288
Kuala Langat	2488
Sepang	1676
JUMLAH	36,620

Nota: Sehingga 25 JANUARI 2019

STATISTIK JUMLAH KEMISKINAN (MISKIN TEGAR DAN MISKIN) MENGIKUT DAERAH

DAERAH	KIR MT & M
Sabak Bernam	2176
Kuala Selangor	2080
Klang	1508
Petaling	1482
Gombak	1250
Hulu Selangor	1029
Hulu Langat	821
Kuala Langat	685
Sepang	432
JUMLAH	11,463

Nota: Sehingga 25 JANUARI 2019